

AD MELAKARKAN KANVAS SENI LUKIS MALAYSIA



Bangunan baharu AD di UITM Kampus Puncak Alam.

Bangunan AD di UITM Shah Alam.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1967, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (UiTM), dahulunya Kajian Seni Lukis & Seni Reka, Institut Teknologi MARA (ITM), atau lebih dikenali sebagai AD (Art and Design), telah memainkan peranan penting dalam perkembangan bentuk dan makna seni lukis Malaysia. Hal ini dapat diteliti dalam beberapa aspek, khususnya mengenai persoalan identiti nasional, penampilan nilai Islam, persoalan kesejagatan gaya seni dan seni global, suara kemanusiaan dan keamanan, dan pengkomersialan, pendidikan, kekuratoran dan penulisan seni.

Bernaung di bawah Falsafah ITM bahawa bakat, minat, dan kecenderungan individu, jika dididik dan diasuh dengan sempurnanya secara terbuka dengan penerapan nilai Islam, akan dapat melahirkan insan yang berguna untuk diri, masyarakat, dan negara. Institusi ini telah melahirkan ratusan pelukis sejak penubuhannya lima dekad yang lalu. Hal ini selaras Falsafah AD bahawa pendidikan yang seimbang dan harmoni, melalui penerokaan seni dan penghayatan nilai Islam secara menyeluruh dan bersepadu, akan dapat melahirkan insan yang berpengetahuan, berkemahiran, berbudaya, kreatif dan peka.

Identiti dan seni lukis tidak dapat dipisahkan, bagaikan pentingnya hubungan bentuk dan makna dalam sesuatu karya seni. Sebagai sekolah seni formal yang lahir dalam institusi pendidikan tinggi bumiputera, sudah sememangnya persoalan identiti nasional menjadi aspek yang amat dititikberatkan dalam kurikulum pengajiannya. Usaha untuk mempertahankan identiti bangsa menjadi agenda seni yang penting di tengah-tengah masyarakat negara berbilang bangsa dan budaya ini. Oleh itu, kurikulum seni berteraskan pendekatan Barat pada peringkat awal secara berperingkat-peringkat telah diterapkan dengan unsur kebudayaan tradisi dan setempat. Hal ini ada hubungannya dengan seruan pencarian identiti nasional yang disarankan dalam Kongres

Kebudayaan Kebangsaan 1971 dan Seminar Akar Kesenian Peribumi yang dianjurkan oleh AD pada tahun 1979.

Semangat ini umumnya telah mendorong tenaga akademik, pelajar, dan lulusan seni halus AD untuk merujuk adat dan budaya tradisi yang berbentuk visual, ritual, adat resam, penceritaan, persembahan, dan kesusasteraan sebagai inspirasi, disokong dengan asas kefahaman teori yang dipelajari dalam kuliah, seperti sejarah seni dan estetik. Karya pascakongres pada dekad 1970-an dan 1980-an menjelmakan ikatan yang kuat dari sudut rupa dan jiwanya dengan tradisi, sama ada menerusi penampilan motif, corak, simbol, objek, kiasan, perumpamaan ataupun penceritaan. Ungkapan visual yang dominan dilihat dalam karya tenaga pengajar dan pelajar, seperti Ahmad Khalid Yusof, Hashim Hassan, Ruzaikha Omar Basarøe, Fatimah Chik dan Anwar Rashid.

Dunia seni lukis juga mengalami anjakan paradigma rentetan daripada kecenderungan setempat dan global terhadap Islam pada dekad 1980-an. Daripada rentetan itu, kurikulum

pendidikan formal seni lukis di AD melalui perubahan dengan penerapan kursus berteraskan keislaman, seperti Estetik dan Sejarah Seni Islam, di samping kesenian tradisional. Hal ini pada dasarnya mempengaruhi penghasilan karya seni tenaga pengajar, pelajar, dan graduan institusi berkenaan. Karya pelukis penting kelahiran AD pada dekad 1980-an dengan jelasnya memperlihatkan nafas kesenian Islam, sebagaimana yang dilihat dalam karya Awang Damit Ahmad, Raimlan Abdullah, Mohd. Nasir Baharuddin dan Mastura Abdul Rahman.

Dalam kalangan tenaga pengajar ITM, kecenderungan terhadap estetika seni Islam dapat dihayati dalam karya Sulaiman Esa, Ahmad Khalid, Hashim, Ponirin Amin, Zakaria Awang, Khatijah Sanusi dan Ruzaikha. Pemilihan unsur seni khat dan corak Islami dalam karya mereka bersesuaian dengan konsep seni Islam yang abstrak, berpaut pada kaedah pengayaan, pengulangan dan pemujaan subjek.

Pengucapan gaya seni global, terutama aliran seni moden yang utama, seperti ekspresionisme dan abstrak ekspresionisme, telah bertapak

kuat di negara ini, khususnya sejak dekad 1960-an, menerusi pendidikan. Barisan tenaga akademik di AD juga, sejak awal, banyak yang menerima pendidikan formal seni lukis di Eropah dan Amerika Syarikat, justeru tidak menghairankan pengucapan visual sedemikian kukuh dilihat dalam karya pelukis kelahiran AD.

Sebagai contohnya, karya catan formalis Fauzan Omar dan Tajuddin Ismail telah mewarnai seni moden Malaysia sejak dekad 1970-an, di samping pengucapan abstrak kukuh dalam karya Sharifah Fatimah Zubir.

Pertembungan gaya seni global dengan elemen tradisi dan budaya setempat pula telah melahirkan sintesis gaya yang unik dalam karya pelukis AD, seperti yang dilihat dalam karya Ruzaikha, Mad Anuar Ismail dan Mastura. Pendekatan separuh abstrak dilihat kuat dalam karya Awang Damit dan Rafiee Ghani, sementara karya Jalaini Abu Hassan kaya dengan tatabahasa visual yang rencam.

Seperkara yang signifikan mengenai karya pelukis kelahiran AD ialah kebergantungannya pada ikonografi tempatan dan tradisi



Awang Damit Ahmad antara pelukis AD yang berjaya.



Catan Awang Damit Ahmad berjudul *Ingatan Jingga* (2005).

meskipun pengucapannya bersifat global. Sebagai contohnya, Awang Damit tetap mengimbuai perjalanan hidupnya yang dikelilingi cara hidup dan budaya desa, kehidupan petani dan nelayan tempatan, sementara Rafiee, meskipun menimba inspirasi daripada pelbagai siri perantaraan ke pelbagai pelosok dunia, masih mengolah karyanya berteraskan pendekatan kreativiti tradisi yang berasaskan abstraksi dan pengulangan motif, serta kaya unsur dekoratif dan ragam hias.

Pada era mutakhir ini, karya lulusan institusi ini juga sentiasa menunjukkan kepekaan terhadap perkembangan media baharu dan teknologi digital terkini menerusi proses pengkaryaan serta pemilihan tema. Karya Hasnul Jamal Saidon pada dekad 1990-an telah merintis seni elektronik, sementara Kamarudzaman Md. Isa membawa teknologi komputer dan seni digital ke dalam seni halus. Jika dilihat dalam konteks sekarang, mereka sebenarnya

menjawab persoalan yang dilontarkan dalam Revolusi Industri 4.0. Pelukis terpenting seni instalasi negara ini juga diterajui lulusan institusi ini sejak awal, seperti Ponirin, Zakaria, Ramlan Abdullah, Zulkifli Yusof, Sharmiza Abu Hassan sehinggalah Fuad Ariff. Meskipun menjawab persoalan kesejagatan gaya seni dan seni global, karya mereka tidak mengetepikan persoalan tradisi dan ikonografi tempatan.

Sensitiviti pelukis kelahiran AD terhadap alam, hal ehwal kemanusiaan, dan keamanan sejagat telah terpancar sejak awal. Pada dekad 1980-an, beberapa siri pameran seni yang dianjurkan oleh fakulti telah memberikan tumpuan kepada krisis kemanusiaan di Palestin. Karya tenaga pengajar, seperti Hashim, Zakaria dan Ponirin, telah mengupas isu kemanusiaan dan keamanan menerusi bahasa kiasan dan simbolik. Kecenderungan ini juga dilihat dalam karya

kumpulan pelukis Matahati yang mencetuskan fenomena kolektif seni yang berjaya pada dekad 1990-an. Mereka menyentuh isu keamanan sejagat dan hal ehwal kemanusiaan melalui kelahiran semula pendekatan figuratif yang baharu dan berkesan.

Sesuatu hal yang tidak dapat disangkal dan dipisahkan ialah rujukan pelukis terhadap alam semula jadi. Bagi pelukis kelahiran AD, pendedahan dalam kurikulum yang turut mengambil kira aspek kesenian tradisional, seperti ukiran kayu dan batik, sama ada dari sudut pembuatan ataupun falsafah, konsep dan nilai estetik, serta merujuk alam bagi kegiatan membina kemahiran seni, telah mengukuhkan rujukan atau inspirasi terhadap alam semula jadi.

Pada waktu ini, kemunculan banyak galeri seni swasta dan pengumpul seni persendirian di negara ini, khususnya di Kuala Lumpur, telah merancakkan kegiatan kesenian dan pasaran seni. Karya seni dibeli bagi tujuan estetik dan tidak kurang juga untuk pelaburan. Hal ini amat positif bagi para pelukis secara umumnya. Dalam konteks ini, karya pelukis kelahiran AD, seperti Awang Damit, Jalaini, Rafiee, Suzlee Ibrahim dan Ahmad Zakii Anwar, telah menjadi tarikan utama, justeru mengubah landskap pengkomersialan dan pengurusan seni yang menjadi lebih terbuka dan dinamik. Bukan hanya pasaran tempatan, karya mereka turut mendapat tempat di rumah lelongan antarabangsa, seperti Henry Butcher. Mereka telah meletakkan seni Malaysia di peta dunia.

Pelibatan lulusan AD dalam aspek pendidikan seni, kekuratoran, dan penulisan seni juga amat membanggakan

dengan sebilangan besar daripada mereka bertugas di Balai Seni Negara, sektor pemuziuman dan warisan, serta galeri swasta. Dalam sektor pendidikan, banyak lulusan yang bertugas dari peringkat sekolah sehingga pusat pengajian tinggi. Mereka turut terlibat dalam penggubalan kurikulum dan dasar, khususnya yang berkaitan dengan penetapan standard dan kawalan mutu pendidikan seni lukis dan seni reka di negara ini. Setelah melihat kepentingan disiplin ini, fakulti kini menawarkan program pengajian berteraskan teori dan pengurusan seni di samping program berasaskan studio yang sedia ada.

Sejak kewujudannya pada tahun 1967, AD telah melahirkan pelukis penting yang mencorakkan landskap seni lukis di negara ini. Mereka memberikan sumbangan bagi mendepani isu persoalan identiti nasional, penampilan nilai Islam, kesejagatan

gaya seni, pelontaran suara kemanusiaan dan keamanan, serta penyahutan cabaran pengkomersialan, pendidikan, kekuratoran dan penulisan seni. Dalam konteks ini, mereka menjadi pemain penting bagi menjayakan sistem kebudayaan yang teguh dengan memberikan manfaat kepada diri mereka, pembuat keputusan, karyawan, audiens, dan moderator seni secara keseluruhannya.

Kejayaan ini sudah semestinya tidak akan tercapai tanpa perjuangan pencetus idea kelahiran AD dan tenaga akademik serta pentadbiran yang telah banyak berjasa dari dahulu sehingga sekarang. Nama penting, seperti Arshad Ayub, Ibrahim Ismail, Mohd. Ahmad Hashim, Ahmad Khalid, Hashim, Muhamad Tamyas Bajuri, D'zul Haimi Md. Zain, Zahari Zain, dan Raja Zahabuddin Raja Yaacob, tidak harus dilupakan. Sekalung tahniah diucapkan untuk AD, UITM dan pelukis kelahirannya!

Rafiee Ghani, pelukis kelahiran AD di studionya.

